

BACA DAN JAWAB SOALAN.

UNIT 25 **Modal Insan**

Mendengar dan Bertutur

Program Jati Diri

Rashid, Netra dan Sue An mengikuti Program Memperkasai Jati Diri yang diadakan di Pulau Langkawi, Kedah. Banyak ilmu dan maklumat yang diperolehi oleh mereka, terutamanya tentang peranan dan tanggungjawab sebagai warganegara.

Peranan dan Tanggungjawab Warganegara

- Menjaga nama baik negara.
- Menjaga keamanan.
- Menjaga adab sopan bagi mengekalkan keamanan.
- Mengundi.
- Berterima kasih kepada pemimpin.
- Menyumbang usaha untuk membangunkan negara.

Sebagai warganegara, kita bertanggungjawab memberikan sumbangan dan usaha untuk membangunkan negara yang kita diidol.

Pendidikan

Ekonomi

Penyelidikan

Kemahiran industri

Inovasi dan reka cipta

Sukan

Bagaimanakah anda boleh menunjukkan sikap bertanggungjawab pada negara? Bincangkan.

Aktiviti

1.1.2 Memberi respons dengan yakin dan sopan terhadap maklumat yang diterima.

Membaca

Mari mengundi

Sebagai warganegara yang bertanggungjawab, Rashid telah mendaftar sebagai pengundi. Beliau ingin mengetahui proses yang dilalui semasa mengundi. Oleh hal yang demikian, beliau telah melayari laman web Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPRM).

Daftar Mengundi

Pengumuman
Warganegara Malaysia yang berumur 21 tahun pada atau sebelum 1 Januari dan bermastautin di sesuatu bahagian pilihan raya boleh mendaftar sebagai pengundi.

Tempat mendaftar
- Pejabat Pilihan Raya Negeri, pejabat pos
- Pendaftaran bergerak di tempat-tempat umum
- Pendaftaran secara dalam talian melalui laman web <https://mysprdaftar.spr.gov.my/>

Objektif Suruhanjaya Pilihan Raya (SPRM)
• Memelihara, mengawasi dan mengekalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen di Malaysia menerusi pilihan raya yang adil dan saksama.

1 Masuk apabila dibenarkan oleh polis yang mengawal di pintu masuk.

2 Berikan kad pengenalan atau dokumen diri dan slip semakan kepada kerani pendaftaran tanda pada nombor dan nama anda dalam buku daftar pemilih. Kemudian, nama anda akan dipanggil.

3 Maju ke petak undi dan buat tandakan nuangan calon pada kertas undi anda. Pilih satu calon sahaja.

4 Masukkan kertas undi ke dalam peti undi, iaitu Dewan Undangan Negeri dan Parlimen.

5 Keluar segera dari tempat mengundi.

Kerani pendaftaran

Kertas undi

Semua proses pengundian diperhatikan oleh ejen-ejen calon yang berlagas.

Sekiranya ada sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan, sila rujuk kelua tempat mengundi.

(Sumber: www.spr.gov.my/)

Berdasarkan pelbagai bahan, baca dan jelaskan proses yang perlu dilakukan oleh seorang warganegara untuk mengundi di Malaysia.

Aktiviti

2.1.2 Membaca untuk mendapatkan maklumat yang terdapat dalam pelbagai bahan.

Berdasarkan pembelajaran buku teks KSSMPK Bahasa Melayu M/S 146 – 149. Jawab semua soalan di bawah.

1. Di manakah Program Memperkasa Jati Diri di adakan?

- A) Dataran Merdeka, Kuala Lumpur
- B) Pulau Langkawi, Kedah
- C) Pulau Tioman, Pahang
- D) Sekolah

2. Yang manakah peranan dan tanggungjawab warganegara?

- i) Menjaga nama baik Negara
 - ii) Menjaga keamanan
 - iii) Menyumbang usaha dan membangunkan Negara
 - iv) Berterima kasih kepada pemimpin
- A) i dan ii
 - B) i, ii, dan iii
 - C) iii dan iv
 - D) Semua di atas

3. Yang manakah **bukan** ciri menjaga keamanan Negara?

- A) Saling membantu dan bekerjasama
- B) Hidup bersama secara aman
- C) Saling menghormati antara Negara
- D) Salah guna kuasa demi kepentingan diri sendiri

4) Berapakah umur yang boleh mendaftar undi?

- A) 21 tahun
- B) 22 tahun
- C) 18 tahun
- D) 30 tahun